





# PANDUAN WIRID & DOA SELEPAS SOLAT

EDISI BAHARU



جَلِيلُ كَمَالٍ وَأَنْ إِسْلَامِ مَلِيسِيَا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Dicetak daripada e-SIRAJ JAKIM  
28-09-26 08:09:18

PANDUAN  
WIRID & DOA  
SELEPAS SOLAT  
EDISI BAHARU



جايتم كمالان اسلام ماليسيا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

# PANDUAN WIRID & DOA SELEPAS SOLAT EDISI BAHARU

Susunan dan Semakan oleh  
**Ustaz Mohamad bin Saari**

Dicetak daripada e-SIRAJ JAKIM  
28-09-26 08:09:18

Penerbit :  
**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**  
[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

Cetakan Pertama 2017 (Edisi Baharu)  
Cetakan Kedua 2018 (Edisi Baharu)  
Cetakan Ketiga 2020 (Edisi Baharu)

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

---

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**  
Bahagian Dasar Kemajuan Islam  
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
MALAYSIA

Dicetak oleh :  
**FIRDAUS PRESS SDN. BHD.**  
No. 28, Jalan PBS 14/4,  
Taman Perindustrian Bukit Serdang,  
43300 Seri Kembangan Selangor

# Kandungan

|                 |    |
|-----------------|----|
| Pendahuluan     | 6  |
| Wirid           | 8  |
| Doa             | 21 |
| Kaedah Berdoa   | 24 |
| Permulaan Doa   | 27 |
| Doa-doa Pilihan | 31 |
| Penutup Doa     | 44 |
| Penutup         | 48 |



Amat besar fadhilat dan pahala bagi orang yang dapat meluangkan masa selepas setiap solat fardhu untuk membaca *wirid* dan berdoa kepada Allah SWT. *Wirid* dan *zikir* adalah amalan yang sangat baik untuk kita mendekatkan diri kepada Allah SWT, sekali gus kita mengharapkan keredhaan dan keampunan-Nya. Mudah-mudahan melalui amalan ini hidup kita selamat sejahtera di dunia dan akhirat.

Selepas berwirid dan berzikir, kita bermohon pula kepada Allah SWT apa sahaja permintaan dan hajat yang baik daripada Allah SWT. Sememangnya Allah SWT menyuruh kita berdoa kepada-Nya dan Allah SWT memberi pengakuan akan memenuhi permintaan hamba-hamba-Nya atas kehendak, pengetahuan dan belas kasihan-Nya.

Oleh itu, risalah *Panduan Wirid dan Doa Selepas Solat: Edisi Baharu* ini menerangkan panduan *wirid* secara tersusun dan mudah untuk diikuti dan diamalkan. Pada bahagian seterusnya dipaparkan pula beberapa pilihan doa untuk dibaca yang disertakan terjemahannya, mudah-mudahan dapat memberi manfa'at kepada pembaca sekalian.



Perkataan *wirid* berasal daripada bahasa Arab. *Wirid* ertinya bahagian ayat-ayat al-Qur'an dan *zikir* yang dibaca selepas solat. *Zikir* ertinya perbuatan mengingati Allah SWT dengan menyebut nama-nama Allah SWT atau perkataan-perkataan yang membawa kepada mengingati Allah SWT seperti *Astaghfirullah* (aku mohon keampunan daripada Allah), *Alhamdulillah* (segala puji bagi Allah), *Allahu Akbar* (Allah Maha Besar), *La ilaha illa Allah* (tiada tuhan melainkan Allah) dan sebagainya.

Tujuan kita berwirid adalah untuk mensucikan diri daripada segala keburukan dan kejahatan, menjernihkan jiwa daripada kekotoran, mendekatkan diri kepada Allah SWT dan seterusnya mencintai-Nya. Diri kita diciptakan Allah SWT, lantaran itu hati dan jiwa kita hendaklah selalu mengingati-Nya. Melalui *wirid* dan *zikir*, kita sentiasa mengingati Allah, hati dan jiwa kita sentiasa tunduk dan patuh kepada Allah, keimanan dan ketaqwaan kepada Allah sentiasa dipupuk dan menjadi subur, justeru diri kita terpelihara daripada dosa dan kejahatan.

Melalui *wirid* dan *zikir* juga membuatkan fikiran kita menjadi lapang, hati dan jiwa sentiasa tenang, menambah keinginan untuk selalu melakukan kebaikan, takut untuk melakukan kejahatan. Amalan *wirid* dan *zikir* juga mendorong kita untuk sentiasa memohon keredhaan Allah SWT, mengharapkan segala kebaikan di dunia dan akhirat, dan matlamat akhirnya ialah supaya kita dimasukkan ke dalam syurga-Nya, dan mohon dijauhi daripada dimasukkan ke dalam neraka, *na'uzubillah*.

Sebaik sahaja kita selesai solat, iaitu selepas memberi salam kedua, kita hendaklah terus dalam keadaan duduk tawaruk (seperti duduk tahiyat akhir). Maka kita bacalah wirid-wirid seperti yang berikut:

1. أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ  
إِلَيْهِ.

(3 atau 10 kali)

**Ertinya:** Aku mohon ampun kepada Allah Yang Maha Besar, yang tiada tuhan melainkan Dia yang Maha Menghidupkan dan Maha Mandiri (Maha Berdiri Sendiri), dan aku bertaubat kepada-Nya.

2. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ  
يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

(3 atau 10 kali)

**Ertinya:** Tiada tuhan yang disembah sebenar-sebenarnya melainkan Allah, tiada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya seluruh kekuasaan dan untuk Allah segala kepujian. Dia menghidupkan dan mematikan. Dialah Allah yang amat berkuasa atas segala sesuatu.

3. اللَّهُمَّ أَجِرْنَا مِنَ النَّارِ.

(3 kali)

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Jauhkanlah kami daripada azab neraka.

4. اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ وَإِلَيْكَ يَعُودُ السَّلَامُ فَحِينَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ دَارَ السَّلَامِ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

**Ertinya:** Ya Allah, Engkau sejahtera, daripada Engkau datangnnya sejahtera, kepada Engkau kembalinya sejahtera itu, oleh yang demikian, hidupkan kami Ya Allah dengan selamat sejahtera, dan masukkanlah kami ke syurga, negara yang aman sejahtera. Bertambah-tambah berkat-Mu ya Allah, Tuhan kami yang Maha Tinggi. Ya Allah, Tuhan yang empunya segala kebesaran dan kemuliaan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

5

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٢﴾  
 مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٣﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ  
 نَسْتَعِينُ ﴿٤﴾ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٥﴾  
 صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ  
 عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٦﴾

**Ertinya:** Aku mohon perlindungan Allah daripada syaitan yang kena rejam. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Yang menguasai pemerintahan hari Pembalasan (Akhirat). Engkaulah sahaja (ya Allah) yang kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami mohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. iaitu jalan orang yang Engkau telah kurniakan ni'mat kepada mereka, bukan (jalan) orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang yang sesat.

(Surah al-Fatihah: 1-7)

6. **وَالْهُكْمُ لِلَّهِ وَاحِدٌ ۖ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٦﴾**

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۚ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۚ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ ۖ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٧﴾

**Ertinya:** Dan Tuhan kamu ialah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) selain Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Allah, tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun daripada (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya) meliputi langit dan bumi, dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara kedua-duanya. Dan Dialah Yang Maha Tinggi (darjah kemuliaan-Nya), lagi Maha Besar (kekuasaan-Nya).

(Surah al-Baqarah: 163 & 255)

7. ءَاَمَنَ الرَّسُوْلُ بِمَا اُنْزِلَ اِلَيْهِ مِنْ رَّبِّهِ ۚ وَالْمُؤْمِنُوْنَ كُلُّ  
ءَاَمَنَ بِاللّٰهِ وَمَلٰئِكَتِهٖ وَكُتُبِهٖ وَرُسُلِهٖ لَا تَفْرِقُ بَيْنَ  
اَحَدٍ مِّنْ رُّسُلِهٖ ۚ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَاَطَعْنَا ۚ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا  
وَإِلَيْكَ الْمَصِيْرُ ﴿٢٥٥﴾ لَا يُكَلِّفُ اللّٰهُ نَفْسًا اِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَهَا  
مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ ۚ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا اِنْ نُسِئْنَا  
اَوْ اَخْطَاْنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا اِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلٰى

الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ  
وَاغْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى  
الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

**Ertinya:** Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya daripada Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan Rasul-rasul-Nya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasul-Nya." Mereka berkata lagi: "Kami dengar dan kami ta'at (kami pohonkan) keampunan-Mu wahai Tuhan kami, dan kepada-Mu jualah tempat kembali." Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebaskan kepada orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir."

(Surah al-Baqarah: 285-286)

8. شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُوا الْعِلْمِ  
 قَابِئًا بِالْقِسْطِ ۚ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١٨﴾  
 الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ أَلَا سَلَمٌ ۚ ﴿١٩﴾

**Ertinya:** Allah menerangkan (kepada sekalian makhluk-Nya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam.

(Surah Ali-'Imraan: 18-19)

9. قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ  
 الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ ۚ بِيَدِكَ  
 الْخَيْرُ ۚ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾ تُوَلِّجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ  
 وَتُوَلِّجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ ۚ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَمِيتِ  
 وَتُخْرِجُ الْمَمِيتَ مِنَ الْحَيِّ ۚ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ  
 حِسَابٍ ﴿٢١﴾

**Ertinya:** Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. Engkaulah (wahai Tuhan) yang memasukkan waktu malam ke dalam waktu siang, dan Engkaulah yang memasukkan waktu siang ke dalam waktu malam. Engkaulah juga yang mengeluarkan sesuatu yang hidup daripada benda yang mati, dan Engkaulah yang mengeluarkan benda yang mati daripada sesuatu yang hidup. Engkau jualah yang memberi rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dengan tiada hitungan hisabnya.

(Surah Ali-'Imraan: 26-27)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

.10

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝  
لَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝

**Ertinya:** Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah yang Maha Esa. Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Ia tidak beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapa pun yang setara dengan-Nya."

(Surah al-Ikhlaas: 1-4)

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ﴿١﴾ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾ وَمِنْ شَرِّ  
عَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾ وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿٤﴾  
وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾

**Ertinya:** Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk. Daripada bencana makhluk-makhluk yang Ia ciptakan. Dan daripada bahaya gelap apabila ia masuk. Dan daripada kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan). Dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengkinya."

(Surah al-Falaq: 1-5)

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾ مَلِكِ النَّاسِ ﴿٢﴾  
إِلَهِ النَّاسِ ﴿٣﴾ مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ﴿٤﴾ الَّذِي  
يُوسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٥﴾  
مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ﴿٦﴾

**Ertinya:** Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berunding kepada (Allah) Pemelihara sekalian manusia. Yang Menguasai sekalian manusia. Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia. Daripada kejahatan pembisik, penghasut yang timbul tenggelam. Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia. (laitu pembisik dan penghasut) daripada kalangan jin dan manusia."

(Surah an-Naas: 1-6)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

.13

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٢﴾  
 مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٣﴾ إِلَهِكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ  
 نَسْتَعِينُ ﴿٤﴾ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٥﴾  
 صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ  
 عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٦﴾

**Ertinya:** Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Yang menguasai pemerintahan hari Pembalasan (Akhirat). Engkaulah sahaja (ya Allah) yang kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami mohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang yang Engkau telah kurniakan

ni'mat kepada mereka, bukan (jalan) orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang yang sesat.

(Surah al-Fatihah: 1-7)

14. اَللّٰهُمَّ يَا رَبِّيْ / اَللّٰهُمَّ يَا رَبَّنَا.

**Ertinya:** Ya Allah ya Tuhanku / Ya Allah ya Tuhan kami.

15. سُبْحَانَ اللّٰهِ.

(33 kali)

**Ertinya:** Maha Suci Allah.

سُبْحَانَ اللّٰهِ وَبِحَمْدِهِ دَائِمًا قَائِمًا اَبَدًا.

**Ertinya:** Maha Suci Allah aku bertasbih sambil memujijuginya kekal sentiasa selama-lamanya.

16. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ.

(33 kali)

**Ertinya:** Segala puji untuk Allah.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ عَلَى كُلِّ حَالٍ وَنِعْمَةٍ.

**Ertinya:** Segala puji untuk Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam atas mana-mana juga keadaan dan ni'mat pengurniaan-Nya.

17. اللَّهُ أَكْبَرُ.

(33 kali)

**Ertinya:** Allah Maha Besar.

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرٌ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً  
وَأَصِيلًا. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ  
الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. وَلَا حَوْلَ وَلَا  
قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

**Ertinya:** Allah Maha Besar, sungguh Maha Besar. Segala puji untuk Allah sebanyak-banyaknya. Maha Suci Allah pagi dan petang. Tiada tuhan yang disembah sebenarnya melainkan Allah dan ketunggalan-Nya, tiada sekutu bagi-Nya. Untuk Allah segala kerajaan dan bagi-Nya segala pujian. Dia yang menghidupkan dan Dia yang mematikan dan Dialah Allah yang berkuasa atas segala sesuatu. Tiada daya dan tiada upaya melainkan dengan pertolongan Allah Tuhan yang Maha Tinggi lagi Maha Besar.

18. أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ.

**Ertinya:** Aku mohon ampun kepada Allah Tuhan yang Maha Besar.



Sebaik-baik sahaja kita selesai *wirid*, maka kita hendaklah berdoa kepada Allah. Berdoa maksudnya kita memohon sesuatu permintaan atau hajat yang baik daripada Allah SWT. Sememangnya Allah SWT menyuruh kita berdoa kepada-Nya. Firman Allah SWT:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ  
يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

**Ertinya:** Dan Tuhan kamu berfirman, "Berdoalah kamu kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina."

(Surah al-Mu'min (Ghaafir): 60)

Firman Allah SWT lagi:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَلِيَّ قَرِيبٌ ۖ أُجِيبُ دَعْوَةَ  
الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ۖ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ  
يُرْشَدُونَ ﴿٦١﴾

**Ertinya:** Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku, maka (beritahu kepada mereka): Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku.

Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik dan betul.

(Surah al-Baqarah: 186)

Rasulullah SAW bersabda:

الدُّعَاءُ سِلَاحُ الْمُؤْمِنِ وَعِمَادُ الدِّينِ وَنُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ.

**Ertinya:** Doa itu senjata orang mu'min, tiang agama dan sinar cahaya langit dan bumi.

(Riwayat al-Hakim)



Ketika kita berdoa, ini bererti kita sedang berbicara, mengadu dan memohon sesuatu hajat kepada Allah SWT, Tuhan Yang Maha Agung dan Maha Berkuasa. Kita adalah makhluk yang lemah, hamba-Nya yang hina, sudah tentu diri kita pada masa itu berada dalam keadaan yang beradab sopan. Antara kaedah dan tata tertib berdoa adalah seperti yang berikut:

1. Diri kita hendaklah berada dalam keadaan suci daripada hadath kecil dan besar.
2. Pakaian dan tempat hendaklah suci daripada najis.
3. Menghadap kiblat.
4. Memulakan doa dengan *basmalah*, diikuti ucapan puji-pujian kepada Allah SWT, sekurang-kurangnya "*alhamdulillah*."
5. Membaca selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.
6. Berdoa dengan bersungguh-sungguh, tidak lalai atau sambil lewa.
7. Berdoa dengan khusyu' (penuh tumpuan dan perhatian).
8. Berdoa dengan tawadu' (penuh rasa rendah diri dan rendah hati kepada Allah).
9. Penuh yakin bahawa Allah SWT akan memperkenankan doa kita.
10. Angkat kedua-dua belah tangan hingga kelihatan kedua-dua ketiak, perut tapak tangan dan anak-anak jari menghadap ke atas.
11. Membanyakkan doa, tidak kira semasa susah ataupun senang.

12. Berdoa dengan suara yang perlahan dan merendah diri.
13. Mengakui segala salah dan dosa yang pernah dilakukan.
14. Menggunakan kata-kata yang mudah dan ringkas serta mempunyai pengertian yang luas.
15. Mengulangkan sesuatu hajat sekurang-kurangnya tiga kali.
16. Jangan sekali-kali meminta sesuatu keburukan atau kejahatan.
17. Jangan meminta sesuatu yang mustahil.
18. Jangan sekali-kali merajuk atau berputus asa jika doa belum dimakbulkan, sebaliknya hendaklah terus berdoa, bersabar dan berserah diri kepada Allah SWT.
19. Menutup doa dengan ucapan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW dan puji-pujian kepada Allah SWT.
20. Selesai berdoa, ucapkan "*amin*" dan sapukan kedua-dua tangan ke muka.



Dalam berdoa, ada ayat atau bahasa permulaannya, iaitu dengan membaca *basmalah*, diikuti puji-pujian kepada Allah SWT dan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

Pilihan 1:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

**Ertinya:** Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam, semoga rahmat dan sejahtera dilimpahkan ke atas junjungan kita Nabi Muhammad SAW yang semulia-mulia pesuruh-Nya, serta ke atas keluarga dan sekalian sahabatnya.

Pilihan 2:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيَكْفِي مَزِيدَهُ  
يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لَجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ.

**Ertinya:** Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian bagi Allah, Tuhan Pentadbir seluruh alam. Puji-pujian bagi Allah yang

melimpahi ni'mat-Nya, dan memberi penambahan-Nya. Wahai Tuhan kami, bagi-Mu segala pujian sebagaimana yang sesuai dengan kebesaran zat-Mu, dan kelebihan kekuasaan-Mu. Ya Allah, cucurilah rahmat dan sejahtera ke atas penghulu kami Nabi Muhammad hamba-Nya dan Pesuruh-Nya yang ummi, dan ke atas keluarganya serta sahabat-sahabatnya.

Pilihan 3:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مُزِيدَهُ  
يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لَجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً تُنَجِّنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ  
الْأَهْوَالِ وَالْآفَاتِ. وَتَقْضِيَ لَنَا بِهَا جَمِيعَ الْحَاجَاتِ وَتُطَهِّرُنَا  
بِهَا مِنْ جَمِيعِ السَّيِّئَاتِ وَتَرْفَعُنَا بِهَا عِنْدَكَ أَعْلَى الدَّرَجَاتِ  
وَتَبْلِّغُنَا بِهَا أَقْصَى الْغَايَاتِ مِنْ جَمِيعِ الْخَيْرَاتِ فِي الْحَيَاةِ وَبَعْدَ  
الْمَمَاتِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

**Ertinya:** Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian bagi Allah, Tuhan semesta alam. Puji-pujian yang memadai dan menyamai akan pertambahan segala ni'mat-Nya. Wahai Tuhan kami kepada-Mu tertumpu segala pujian sebagaimana layak bagi kebesaran pemerintahan-Mu. Ya Allah, kami

pohonkan selawat dan salam-Mu ke atas penghulu kami Nabi Muhammad sebagai selawat yang melepaskan diri kami daripada bala bencana, Engkau tunaikanlah segala hajat kami, Engkau bersihkan kami daripada segala keburukan, Engkau angkatkan kami di sisi-Mu setinggi-tinggi darjat, Engkau sampaikan ke hujung harapan dan cita-cita kami daripada segala kebaikan semasa hidup dan selepas mati. Dan salam sejahtera sebanyak-banyaknya juga ke atas keluarga serta sahabat-sahabatnya dengan rahmat-Mu ya Allah, Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.



## 1. Puji-pujian kepada Allah SWT

سُبْحَانَكَ لَا تُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ.  
فَلَكَ الْحَمْدُ حَتَّى تَرْضَى وَلَكَ الْحَمْدُ إِذَا رَضِيتَ. وَلَكَ الْحَمْدُ  
قَبْلَ الرِّضَى. وَلَكَ الْحَمْدُ بَعْدَ الرِّضَى وَلَكَ الْحَمْدُ دَائِمًا أَبَدًا.

**Ertinya:** Maha Suci ya Allah! Bagi-Mu segala kepujian sebagaimana yang selayaknya dengan kebesaran zat-Mu dan dengan kebesaran kekuasaan-Mu. Maha Suci Engkau; kami tidak menghitung puji-pujian atas-Mu. Engkaulah, sebagaimana Engkau telah memuji-muji akan zat-Mu; maka bagi-Mu kepujian sehingga Engkau redha, dan bagi-Mu kepujian apabila Engkau redha, dan bagi-Mu kepujian sesudah Engkau redha, dan bagi-Mulah kepujian yang berkekalan selama-lamanya.

## 2. Doa Sentiasa dalam Iman

اللَّهُمَّ أَحْيِنَا بِالْإِيمَانِ، وَامِتْنَا بِالْإِيمَانِ، وَادْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ  
الْإِيمَانِ.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Hidupkan kami dengan iman, matikan kami dengan iman, serta masukkan kami ke dalam syurga bersama-sama iman.

### 3. Doa Tetapkan Iman

رَبَّنَا لَا تُرْغِ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ  
رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴿٨﴾

**Ertinya:** Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pesongkan iman kami sesudah Engkau kurniakan kepada kami petunjuk. Anugerahkanlah kepada kami rahmat kerana bahawa sesungguhnya Engkau Maha Pengurnia.

(Surah Ali-'Imraan: 8)

### 4. Doa Keampunan Diri dan Ibu Bapa

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَلِوَالِدَيْنَا وَارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيْنَا  
صَغِيرًا.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Ampunilah segala dosa kesalahan kami dan dosa kesalahan ibu bapa kami, serta kasihanilah mereka sebagaimana mereka berdua mengasihi kami pada masa kami masih kecil.

### 5. Doa Mohon Keampunan dan Menjauhi Hasad kepada Orang Beriman

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا  
تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ  
رَحِيمٌ ﴿٩﴾

**Ertinya:** Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah kami, dan saudara-saudara kami yang telah mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau menjadikan dalam hati kami perasaan hasad dan dendam terhadap orang yang beriman. Wahai Tuhan kami, sesungguhnya Engkau amat melimpah belas kasihan dan rahmat-Mu.

(Surah al-Hasyr: 10)

#### 6. Doa Penyesalan dan Mohon Keampunan

قَالَ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ  
مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٣٧﴾

**Ertinya:** Wahai Tuhan kami! Kami telah banyak menganiaya diri kami (dengan mengerjakan banyak dosa), andainya tidaklah dengan keampunan-Mu, dan limpah kurnia-Mu tentulah kami akan jadi orang yang rugi.

(Surah al-Araaf: 23)

#### 7. Doa Mohon Ringankan Beban yang Berat

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ كُنْزَيْنَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ  
عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا  
تَحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ ۖ وَاعْفُ عَنَّا وَاعْفُ  
لَنَا وَارْحَمْنَا ۚ أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ  
الْكَافِرِينَ ﴿٣٨﴾

**Ertinya:** Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang Engkau telah bebaskan kepada orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan berilah rahmat kepada kami. Engkau penolong kami; oleh itu tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir.

(Surah al-Baqarah: 286)

#### 8. Doa Mohon Keampunan dan Menghapuskan Pelbagai Kesusahan

اللَّهُمَّ لَا تَدَعْ لَنَا ذَنْبًا إِلَّا غَفَرْتَهُ. وَلَا هَمًّا إِلَّا فَرَجْتَهُ. وَلَا كَرْبًا إِلَّا نَفَسْتَهُ. وَلَا مَرِيضًا إِلَّا شَفَيْتَهُ. وَلَا عَدُوًّا إِلَّا خَذَلْتَهُ. وَلَا جَاهِلًا إِلَّا عَلَّمْتَهُ. وَلَا حَاجَةً إِلَّا قَضَيْتَهَا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Janganlah dibiarkan bagi kami sesuatu dosa melainkan Engkau hapuskan; dan tiada kesukaran melainkan Engkau lapangkan, dan tiada seseorang sakit melainkan Engkau sembuhkan; dan tiada seseorang seteru melainkan Engkau kecewakan; dan tiada seseorang jahil melainkan Engkau ajarkan; dan tiada sesuatu hajat melainkan Engkau tunaikan, demi rahmat-Mu wahai Tuhan yang Maha Luas rahmat dan belas kasihan-Nya.

## 9. Doa Memohon Rahmat dan Ni'mat

اللَّهُمَّ يَا هَادِيَ الْمَضَلِّينَ. وَيَارَاحِمَ الْمُذْنِبِينَ. وَيَا مُقِيلَ  
عَثَرَاتِ الْعَاثِرِينَ. اَرْحَمْ عَبْدَكَ ذَا الْخَطِيئَةِ الْعَظِيمِ وَالْمُسْلِمِينَ  
كُلَّهُمْ أَجْمَعِينَ. وَاجْعَلْنَا مِنَ الرَّاشِدِينَ وَاجْعَلْنَا مِنَ التَّائِبِينَ.  
وَاجْعَلْنَا مِنَ الصَّالِحِينَ. وَاجْعَلْنَا مِنَ الْأَخْيَارِ الْمَرْزُوقِينَ.  
وَاجْعَلْنَا مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ  
وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Wahai Pemberi petunjuk terhadap yang sesat, yang mengasihani orang yang berdosa. Rahmatilah hamba-Mu yang melakukan kesalahan yang besar, demikian juga sekalian kaum muslimin. Jadikanlah kami orang yang mendapat petunjuk, orang yang bertaubat, orang yang salih, orang yang mendapat rezeki yang baik. Dan jadikanlah kami golongan orang yang telah Engkau kurniai ni'mat seperti nabi-nabi, para siddiqin, orang syuhada dan orang yang salih.

## 10. Doa Mohon Petunjuk Kebenaran dan Menjauhi Kebatilan

اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَارْزُقْنَا اتِّبَاعَهُ وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا  
وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Tunjukkanlah kepada kami perkara yang benar itu benar, dan pandulah kami supaya mengikutinya; dan tunjukkanlah kami perkara yang batil itu batil, supaya kami meninggalkannya.

#### 11. Doa Memelihara Umur yang Baik

اللَّهُمَّ اخْتِمْ لَنَا بِحُسْنِ الْخَاتِمَةِ وَلَا تَخْتِمْ عَلَيْنَا بِسُوءِ الْخَاتِمَةِ.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Akhirlkanlah umur kami dengan kesudahan yang baik, dan janganlah kiranya Engkau akhirlkan umur kami dengan kesudahan yang tidak baik.

#### 12. Doa Mohon Segala Kebaikan dan Menjauhi Segala Keburukan

اللَّهُمَّ اَنَا نَسَأُكَ مِنْ خَيْرِمَا سَأَلَكَ مِنْهُ نَبِيُّكَ وَحَبِيبُكَ وَرَسُولُكَ وَعَبْدُكَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّمَا اسْتَعَاذَكَ مِنْهُ نَبِيُّكَ وَحَبِيبُكَ وَرَسُولُكَ وَعَبْدُكَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Sesungguhnya kami memohon segala kebaikan seperti yang dipohonkan oleh Nabi-Mu, Kekasih-Mu, Rasul-Mu dan Hamba-Mu Muhammad SAW; dan kami berlindung dengan-Mu daripada keburukan atau kejahatan sebagaimana

perlindungan yang dipohon oleh Nabi-Mu, Kekasih-Mu, Rasul-Mu dan Hamba-Mu Muhammad SAW.

**13. Doa Mohon Segala Kebaikan dan Menjauhi Segala Keburukan**

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ مِنَ الْخَيْرِ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ مَا عَلِمْنَا مِنْهُ وَمَا لَمْ نَعْلَمْ وَنَعُوذُ بِكَ مِنَ الشَّرِّ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ مَا عَلِمْنَا مِنْهُ وَمَا لَمْ نَعْلَمْ.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Sesungguhnya kami memohon daripada-Mu kebaikan seluruhnya yang segera dan akan datang, yang kami ketahui dan kami tidak ketahui; dan kami berlindung dengan Engkau daripada seluruh kejahatan dan keburukan sekarang dan akan datang, yang kami ketahui dan kami tidak ketahui.

**14. Doa Mohon Keampunan, Rahmat dan Keselamatan**

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ وَغَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ. وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ وَالْغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بَرٍّ وَالْفَوْزَ بِالْجَنَّةِ. وَالنَّجَاةَ مِنَ النَّارِ.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Bahawasanya kami bermohon kepada-Mu akan jalan-jalan yang memudahkan kami mendapat rahmat dan keampunan-Mu, dan keselamatan daripada tiap-tiap dosa, dan keuntungan tiap-tiap kebajikan, dan kemenangan dengan syurga dan keselamatan daripada neraka.

## 15. Doa Mohon Keselamatan

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ سَلَامَةً فِي الدِّينِ وَعَافِيَةً فِي الْجَسَدِ وَزِيَادَةً فِي الْعِلْمِ وَبَرَكَاتٍ فِي الرِّزْقِ وَتَوْبَةً قَبْلَ الْمَوْتِ وَرَحْمَةً عِنْدَ الْمَوْتِ وَمَغْفِرَةً بَعْدَ الْمَوْتِ، اللَّهُمَّ هَوِّنْ عَلَيْنَا فِي سَكَرَاتِ الْمَوْتِ وَالنَّجَاةِ مِنَ النَّارِ وَالْعَفْوِ عِنْدَ الْحِسَابِ.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Sesungguhnya kami memohon kepada-Mu keselamatan pada agama dan kesihatan jasad, dan ditambahkan ilmu pengetahuan, dan keberkatan rezeki, dan bertaubat sebelum mati, dan rahmat ketika mati dan keampunan setelah mati. Ya Allah! Ringankanlah ke atas kami semasa sakaratulmaut, dan lepaskanlah kami daripada api neraka, dan kemaafan semasa diadakan perhitungan (hisab).

## 16. Doa Menjauhi Sifat-sifat Kelemahan

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ وَنَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَنَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبَخْلِ وَنَعُوْذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Sesungguhnya kami berlindungan dengan-Mu daripada keluh kesah dan dukacita; dan kami berlindung dengan-Mu daripada kelemahan dan sifat malas; dan kami berlindung dengan-Mu daripada sifat penakut dan kedekut; dan kami

berlindung dengan-Mu daripada bebanan hutang dan kejahatan manusia.

**17. Doa Menjauhi Perkara Tidak Bermanfaat**

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ وَمِنْ قَلْبٍ لَا يَخْشَعُ وَمِنْ  
دُعَاءٍ لَا يَسْمَعُ وَمِنْ نَفْسٍ لَا تَشْبَعُ.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Sesungguhnya kami berlindung dengan-Mu daripada ilmu yang tidak memberi manfa'at, daripada hati yang tidak khusyuk, daripada doa yang tidak didengar, dan daripada jiwa (nafsu) yang tidak kenyang.

**18. Doa Menjauhi Syak, Syirik, Kufur dan Perkara Buruk**

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُكَ مِنَ الشَّكِّ وَالشَّرِكِّ، وَنَعُوذُكَ مِنَ الْكُفْرِ  
وَالنَّفَاقِ وَنَعُوذُكَ مِنْ سُوءِ الْأَخْلَاقِ وَسُوءِ الْمَنْظَرِ وَالْمُنْقَلَبِ  
فِي الْمَالِ وَالْأَهْلِ وَالْوَلَدِ.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Kami berlindung dengan-Mu daripada syak ragu dan menyekutukan-Mu; daripada kufur, tidak percaya atau beriman pura-pura; dan kami mohon perlindungan dengan-Mu daripada buruk budi pekerti, buruk pandangan, dan tidak baik kesudahan pada harta kami, pada keluarga kami dan pada anak-anak kami sekalian.

## 19. Doa Menjauhi Bala Bencana

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ وَدَرَكِ الشَّقَاءِ وَسُوءِ الْقَضَاءِ وَشَمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ وَعُضَالِ الدَّاءِ وَخِيْبَةِ الرَّجَاءِ.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Kami berlindung dengan-Mu daripada melampau-lampau mendapat bala; daripada berpanjangan mendapat kecelakaan dan tidak baik kesudahan, daripada kegembiraan orang yang membenci kami di atas kekecewaan kami, daripada hidapan penyakit dan harapan yang menghampakan.

## 20. Doa Memperelokkan Segala Urusan

اللَّهُمَّ أَحْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا وَأَجِرْنَا مِنْ خِزْيِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami. Engkau perelokkanlah kesudahan amal perbuatan kami dalam segala urusan, dan selamatkanlah kami daripada kehinaan dunia dan azab akhirat.

## 21. Doa Supaya Sentiasa Mengingati Allah, Syukur dan Elok Ibadat

اللَّهُمَّ أَعِنَّا عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ.

**Ertinya:** Ya Allah, Tuhan kami! Tolonglah kami supaya ingat kepada-Mu, bersyukur kepada-Mu dan elok ibadah kepada-Mu.

## 22. Doa Mendapatkan Rahmat dan Petunjuk

رَبَّنَا ءَاتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾

**Ertinya:** Wahai Tuhan kami! Engkau kurniakanlah kepada kami rahmat-Mu dan berilah kami petunjuk dari sisi-Mu.

(Surah al-Kahfi: 10)

## 23. Doa Memohon Kebaikan Yang Dijanjikan

رَبَّنَا وَءَاتِنَا مَا وَعَدْتَنَا عَلَىٰ رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ الْقِيَمَةِ  
إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿١٩٤﴾

**Ertinya:** Wahai Tuhan kami! Engkau kurniakanlah kepada kami apa yang telah Engkau janjikan terhadap kami atas utusan Engkau; dan janganlah Engkau hinakan kami pada hari Kiamat. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji.

(Surah Ali-'Imraan: 194)

## 24. Doa Tawakkal dan Mohon Taufik

حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ  
الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

**Ertinya:** Cukuplah Allah bagiku. Tidak ada Tuhan kecuali Dia. Kepada-Nya aku bertawakkal. Dialah Tuhan 'Arsy Yang Maha Besar.

(Surah at-Taubah: 129)

## 25. Doa Mohon Kebaikan di Dunia dan Akhirat

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا  
عَذَابَ النَّارِ

**Ertinya:** Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami dalam dunia ini kebaikan dan dalam negeri akhirat juga kebaikan dan jauhilah kami daripada azab neraka.

(Surah al-Baqarah: 201)



Sebagai penyudah doa, sebaik-baiknya kita baca selawat ke atas Nabi SAW dan puji-pujian kepada Allah SWT.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

**Ertinya:** Semoga Allah mencucuri rahmat dan sejahtera ke atas penghulu kami Nabi Muhammad dan ahli keluarga serta sahabat-sahabat Baginda sekalian. Maha suci Tuhan, Engkau Tuhan yang memiliki sifat kemuliaan. Dan selamat sejahtera ke atas sekalian rasul, segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Selepas itu kita baca al-Fatihah:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٢﴾  
مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٣﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ  
نَسْتَعِينُ ﴿٤﴾ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٥﴾  
صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ  
عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٦﴾

**Ertinya:** Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Yang menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat). Engkaulah sahaja (ya Allah) yang kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami mohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. iaitu jalan orang yang Engkau telah kurniakan ni'mat kepada mereka, bukan (jalan) orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang yang sesat.

Kemudian, kita membaca doa penutup, iaitu doa memohon supaya Allah SWT menerima segala doa dan permintaan kita.

ءَامِيْنَ ءَامِيْنَ ءَامِيْنَ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ، رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا دُعَاءَنَا إِنَّكَ  
أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَتُبْ عَلَيْنَا يَا مَوْلَانَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ  
الرَّحِيمُ، وَلَا تُؤَاخِذْنَا بِالْعِظَائِمِ وَالْجَرَائِمِ يَا كَرِيمُ، وَءَاخِرُ دَعْوَانَا  
أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ. تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنْكُمْ. (مِنَّا وَمِنْكُمْ  
تَقَبَّلَ يَا كَرِيمُ).

**Ertinya:** Perkenalkanlah permintaan kami ya Allah, wahai Tuhan yang mentadbir seluruh alam. Ya Tuhan kami! Terimalah doa kami, sesungguhnya Engkaulah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. Terimalah taubat kami ya Allah, sesungguhnya Engkaulah penerima taubat lagi Maha Mengasihani. Janganlah Engkau mengenakan kami dosa-dosa besar, wahai Tuhan yang Maha Mulia.

Dan kami akhiri doa ini dengan segala pujian bagi-Mu Allah Tuhan Pentadbir semesta alam. Semoga Allah SWT menerima doa kita semua.

## Penutup

Semoga risalah *Panduan Wirid dan Doa Selepas Solat Edisi Baharu* ini memberi manfa'at untuk sama-sama kita membersihkan jiwa dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Mudah-mudahan segala amal kita diterima Allah SWT dan kita tergolong sebagai hamba-hamba-Nya yang salih dan memperoleh kemenangan di dunia dan akhirat.



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,  
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,  
62100 Putrajaya.

Tel : 03-8870 7000 Faks : 03-8870 7003

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

ISBN 978-983-042-469-9



9 789830 424699

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

Dicetak daripada e-SIRAJ JAKIM

28-09-26 08:09:18